

Rujukan Kami :UMPSA.01.16.100-6/3/53(8)

Tarikh :17 Julai 2026

SENARAI EDARAN SEPERTI LAMPIRAN

YH. Dato'/Datin/Profesor/Profesor Madya/Dr./Tuan/Puan.

PEMAKLUMAN MENGENAI GARIS PANDUAN PENGGUNAAN VARIASI LOGO UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH (UMPSA) BAGI TUJUAN PROMOSI DAN PUBLISITI

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Dimaklumkan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JKPU) ke-258 Bil.3/2026 telah meluluskan penggunaan variasi logo UMPsa bagi meningkatkan keterlihatan (visibility) jenama UMPsa untuk tujuan pemasaran dan promosi serta penjenamaan strategik.
3. Bersama-sama dengan ini di lampirkan garis panduan penggunaan variasi logo UMPsa sebagai rujukan kepada seluruh warga termasuklah anak-anak syarikat UMPsa dalam memastikan keseragaman dan menampilkan imej korporat universiti.
4. Sebarang pertanyaan mengenai perkara ini boleh menghubungi urusetia Jawatankuasa Penjenamaan, Pusat Komunikasi Korporat, Encik Wallid Wahidi bin Hamzah di talian 017-947 6662 dan Puan Hafizatulazlin Abdul Aziz (012-626 1629) atau email pro@umpsa.edu.my.

Segala kerjasama YH. Dato'/Datin/Profesor/Profesor Madya/Dr./Tuan/Puan di dalam perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Teknologi untuk Masyarakat

Saya yang menjalankan Amanah



MIMI RABITA BINTI ABD WAHIT
Pengaruh

Pusat Komunikasi Korporat
Jabatan Canseleri

Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah

KEJURUTERAAN · TEKNOLOGI · KREATIVITI

SENARAI EDARAN:

- 1. YBhg. Profesor. Ts. Dr. Yatimah binti Alias**
Naib Canselor / Ketua Pegawai Eksekutif
- 2. YBhg. Profesor. Ts. Dr. Kamal bin Yusoh**
Timbalan Naib Canselor Akademik & Antarabangsa
- 3. YBhg Profesor. Ts. Dr. Mohd Rusllim bin Mohamed**
Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar & Alumni /Menjalankan Fungsi
Timbalan Naib Canselor Penyelidikan & Inovasi
- 4. YH. Dato' Saiful Bahri bin Ahmad Bakarim**
Pendaftar /Ketua Pegawai Operasi
- 5. Puan Norliza binti Arshad**
Menjalankan fungsi Bendahari
- 6. Cik Kamariah binti Gono**
Ketua Pustakawan
- 7. Puan Marlina binti Mamat**
Penasihat Undang-undang
- 8. Semua Penolong Naib Canselor**
- 9. Semua Dekan Fakulti/ Pusat/ Institut**
- 10. Ketua Pegawai Maklumat**
- 11. Ketua Pejabat Naib Canselor**
- 12. Semua Pengurus Besar/ Pengurus Kanan**
- 13. Semua Pengarah Kanan**
- 14. Semua Pengarah Pusat/ Pusat Kecemerlangan/ Bahagian/ Unit**
- 15. Semua Ketua Pusat Perkhidmatan/ Unit**
- 16. Semua Ketua Pegawai Eksekutif/ Ketua Eksekutif Anak Syarikat UMPSA**



اونيورسيتي مليسيا قهغ السلطان عبد الله
**UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
AL-SULTAN ABDULLAH**

**GARIS PANDUAN
PENGUNAAN LOGO RASMI DAN VARIASI LOGO
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH
(UMPSA)**

SENARAI REKOD PINDAAN

Adalah menjadi tanggungjawab pemegang prosedur ini supaya salinan prosedur ini dikemaskinikan dengan cara memasukkan segala pindaan seperti dicatatkan di bawah:

Keluaran	Tarikh Kuat Kuasa	Tarikh Pindaan	Kelulusan	Keterangan

KANDUNGAN

BIL.	PERKARA	MUKA SURAT
1.	Tujuan	2
2.	Objektif	2
3.	Skop	2
4.	Pelaksanaan	2
5.	Peraturan Penggunaan Logo	3
6.	Pemakaian dan Tarikh Kuat Kuasa	4
7.	Peranan dan Tanggungjawab	4
8.	Tarikh Kuat Kuasa	4
9.	Pemakaian	4
10.	Tarikh Kuat Kuasa	4

1.0 TUJUAN

Garis Panduan Penggunaan Logo Rasmi dan Variasi Logo Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) ini disediakan bagi meningkatkan keterlihatan (visibility) jenama UMPSA dan memastikan penggunaan identiti korporat universiti dilaksanakan secara seragam, profesional dan selaras dengan imej universiti.

2.0 OBJEKTIF

Garis panduan ini bertujuan untuk:

- 2.1 Memelihara identiti, kredibiliti dan imej korporat UMPSA.
- 2.2 Menyeragamkan penggunaan logo rasmi dan variasi logo dalam semua medium komunikasi, penerbitan dan promosi universiti.
- 2.3 Mengelakkan penyalahgunaan, pengubahsuaian atau penggunaan logo yang tidak mengikut spesifikasi yang ditetapkan.
- 2.4 Memberikan panduan yang jelas kepada seluruh warga universiti mengenai penggunaan logo yang bersesuaian mengikut fungsi dan tujuan penerbitan.
- 2.5 Memastikan semua bahan rasmi, akademik, promosi dan cenderamata universiti menampilkan identiti jenama UMPSA secara konsisten.

3.0 SKOP

Garis panduan ini terpakai kepada semua Pusat Tanggungjawab (PTJ), staf, pelajar, anak syarikat dan pihak yang berurusan dengan universiti mengikut kesesuaian pemakaian.

4.0 PELAKSANAAN

4.1 Penggunaan Logo Rasmi UMPSA



Logo Rasmi UMPSA hendaklah digunakan bagi medium yang melibatkan urusan rasmi, akademik dan perundangan universiti, antaranya:

4.1.1 Surat-Menyurat dan Dokumen Rasmi

- Surat rasmi universiti
- Memo
- Pekeliling
- Dokumen pentadbiran rasmi
- Dokumen kontrak

4.1.2 Dokumen Akademik dan Perundangan

- Sijil akademik
- Transkrip konvokesyen
- Memorandum Persefahaman (MoU)
- Memorandum Perjanjian (MoA)
- Dokumen perundangan dan kontrak rasmi

4.1.3 Produk Korporat dan Cenderamata VIP

- Plak penghargaan
- Hadiah korporat rasmi
- Cenderamata VIP dan VVIP
- Produk eksklusif yang mewakili universiti

4.1.4 Papan Tanda Rasmi

- Bangunan utama universiti
- Struktur kekal yang mewakili identiti rasmi UMPSA

4.2 Penggunaan Variasi Logo UMPSA



Variasi Logo UMPSA boleh digunakan bagi tujuan promosi, publisiti, pemasaran dan medium komunikasi yang lebih fleksibel, antaranya:

4.2.1 Bahan Promosi dan Publisiti

- Poster
- Brosur
- Risalah
- e-Poster
- Iklan digital
- Media sosial
- Kempen promosi
- Portal UMPSA
- Portal Pusat Tanggungjawab (PTJ)
- Buku-buku terbitan UMPSA

4.2.2 Produk Cenderamata

- T-shirt
- Beg dan tote bag
- Payung
- Lanyard
- Pen
- Barangan promosi program

4.2.3 Papan Tanda dan Pameran

- Papan tanda jalan
- *Billboard*
- Reruai pameran
- Reruai promosi
- Bahan paparan sementara

5.0 PERATURAN PENGGUNAAN LOGO DAN VARIASI LOGO

- 5.1 Logo UMPSA tidak boleh diubah daripada segi warna, bentuk, susunan elemen, nisbah (*ratio*) dan tipografi tanpa kelulusan rasmi universiti.
- 5.2 Penggunaan variasi logo hendaklah bersesuaian dengan medium dan tujuan penerbitan.
- 5.3 Variasi logo tidak dibenarkan digunakan bagi surat-menyurat rasmi, dokumen akademik dan dokumen perundangan universiti.
- 5.4 Semua bahan penerbitan rasmi universiti hendaklah mendapatkan semakan atau nasihat daripada Pusat Komunikasi Korporat (PKK) UMPSA sebelum dicetak atau diterbitkan.
- 5.5 Sebarang penggunaan logo bagi tujuan khas yang tidak dinyatakan dalam garis panduan ini hendaklah mendapatkan kelulusan terlebih dahulu daripada pihak universiti.

6.0 PEMAKAIAN DAN TARIKH KUAT KUASA

- 6.1 Garis Panduan Penggunaan Logo Rasmi dan Variasi Logo Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) ini terpakai kepada seluruh warga universiti termasuk staf akademik, staf pentadbiran, pelajar, persatuan, kelab, pusat tanggungjawab (PTJ) dan mana-mana pihak yang menghasilkan bahan rasmi, promosi, penerbitan atau komunikasi yang melibatkan identiti UMPSA.
- 6.2 Semua Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ) hendaklah memastikan garis panduan ini dipatuhi sepenuhnya oleh warga di bawah seliaan masing-masing.
- 6.3 Garis panduan ini berkuat kuasa serta-merta mulai tarikh ia ditandatangani dan diluluskan oleh Ketua Jabatan.

7.0 PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB

- 7.1 Pusat Komunikasi Korporat (PKK) bertanggungjawab menyediakan garis panduan yang akan menjadi rujukan kepada semua PTJ berkenaan penggunaan logo rasmi dan variasi logo UMPA.
- 7.2 Semua Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ) hendaklah memastikan garis panduan ini dapat dipatuhi dalam memelihara keseragaman dan imej universiti di fakulti/jabatan masing-masing.

8.0 TARIKH KUAT KUASA

- 8.1 Pelaksanaan garis panduan ini berkuat kuasa serta-merta pada tarikh ia dikeluarkan.
- 8.2 Sebarang pertanyaan berkaitan garis panduan ini boleh dirujuk kepada:

Pusat Komunikasi Korporat
Jabatan Canseleri
Universiti Malaysia Pahang Al- Sultan Abdullah
26600 Pekan
Pahang Darul Makmur
Tel.: 09-431 5000
E-mel : pro@umpsa.edu.my